

**P**ERTANDINGAN PIDATO SEJARAH  
PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
KALI KE-2 TAHUN 2014

**LATAR BELAKANG**

Pusat Sejarah Brunei akan menganjurkan Pertandingan Pidato Sejarah Kali Ke-2 pada tahun 2014. Pertandingan Pidato Sejarah adalah sebagai salah satu media atau kaedah bagi menyampaikan dan memberigakan sejarah Brunei kepada para pelajar. Sejarah penting diketahui dan dipelajari oleh para pelajar kerana sejarah itu dapat memberikan pengajaran, panduan, contoh, dan tauladan dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Ilmu Tahun 2010 yang antara lain Baginda bertitah, "... kita belajar dari sejarah dan berguru kepada sejarah... Bangsa yang suka berguru kepada sejarah adalah bangsa besar... Daripada sejarah kita bermula, dan daripada sejarah juga kita melakar nama. Demikianlah hebatnya sejarah itu."

**PERLAKSANAAN**

**Objektif**

- ◆ Menyerapkan budaya berfikir secara kritis di kalangan para pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi.
- ◆ Meningkatkan daya fikir para pelajar dalam membuat tafsiran dan penilaian semula ke atas suatu peristiwa bersejarah di negara ini.
- ◆ Melatih para pelajar menggunakan kaedah penyelidikan dan kajian sejarah yang sebenar.
- ◆ Mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang kajian sejarah.
- ◆ Menjadikan sejarah sebagai bidang yang menarik untuk dipelajari, dikaji dan difahami.
- ◆ Memberi kesedaran kepada generasi muda tentang nilai sejarah kepada pembangunan negara.
- ◆ Menanam perasaan cintakan Raja, Agama, Negara, dan Bangsa.

**Kategori Pertandingan**

Pertandingan Pidato Sejarah ini terbahagi kepada tiga (3) kategori, iaitu:

- ◆ Kategori A : Institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta.
- ◆ Kategori B : Prauniversiti kerajaan dan swasta.
- ◆ Kategori C : Sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta bagi Tahun 10 dan Tahun 11 sahaja.

**Syarat Pertandingan**

- ◆ Penyertaan pertandingan hendaklah melalui borang penyertaan yang disediakan oleh pihak penganjur.

- ◆ Penyertaan dibukakan kepada institusi pengajian tinggi, prauniversiti, dan sekolah menengah kerajaan dan swasta di seluruh negara.
- ◆ Peserta yang pernah memenangi sebarang pertandingan pidato di peringkat antarabangsa adalah tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- ◆ Peserta Kategori A bagi institusi pengajian tinggi adalah tidak dihadkan penyertaannya. Kategori B bagi prauniversiti dibolehkan menghantar tiga (3) orang peserta. Manakala Kategori C bagi sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta hanya dibenarkan menghantar seorang peserta sahaja.
- ◆ Setiap peserta yang berjaya mara ke peringkat akhir dipersyaratkan menyediakan skrip pidato dan menghantarnya kepada pihak penganjur pertandingan selewat-lewatnya dua minggu (14 hari) sebelum tarikh pertandingan.

**Tajuk Pilihan dalam Pertandingan**

Pihak penganjur menyediakan 10 tajuk bagi panduan para peserta. Walau bagaimanapun pihak penganjur akan menyediakan tajuk-tajuk baru kepada para peserta yang akan bertanding di peringkat akhir secara undian. 10 tajuk pidato bagi peringkat saringan dan separuh akhir ialah:

- ◆ Generasi Belia Dan Sejarah
- ◆ Sejarah Pemangkin Kemajuan Negara
- ◆ Sejarah dalam Pembangunan Negara Bangsa
- ◆ Menjejak Pelayaran Sultan Bolkiah
- ◆ Kesultanan Melayu Brunei Warisan Zaman-Berzaman
- ◆ Pahlawan Negara Ristaan Zaman
- ◆ Tulisan Jawi Khazanah dan Warisan Bangsa
- ◆ Sejarah Penyelesai Masalah Bangsa dan Negara
- ◆ Sejarah Panduan dan Ikhtibar Sepanjang Zaman
- ◆ Sejarah Pupuk Semangat Berbangsa dan Bernegara

**Borang Penyertaan**

Borang penyertaan boleh didapati melalui laman sesawang [www.pusat-sejarah.gov.bn](http://www.pusat-sejarah.gov.bn) atau blog <http://narawahana.blogspot.com> dan <https://www.facebook.com/Narawahana>

Borang penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Khamis, 18 September 2014, jam 4:00 petang kepada:

JAWATANKUASA PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN  
PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH KE-2 2014  
PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
Pusat Sejarah Brunei  
Jalan Stoney/James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS 8610.

BORANG A

BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH  
PIALA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
BAGI TAHUN 2014

Nama: Universiti/Institusi/Sekolah/Maktab:		
No. Tel/Faks	Pejabat:	Faks:
Nama Penyelia/Pengawas Peserta/Pemidato		No. Telefon Bimbit
1.		
2.		
Bahagian:	PIDATO	
Tajuk Pidato:		
Bil.	Nama Peserta (Lelaki & Perempuan)	No. Kad Pintar
1.		
2.		
Nama Peserta Simpanan (Lelaki & Perempuan)		
1.		
2.		

Tandatangan pihak Universiti/Institusi/Sekolah Menengah/Maktab & Cop

.....  
( )

Tarikh: .....

BORANG B

Yang Mulia  
Penganjur  
Pertandingan Pidato Sejarah  
Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Pusat Sejarah Brunei  
Jalan Stoney/Jalan James Pearce, BS 8610  
Bandar Seri Begawan

Tuan,

PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH PIALA MENTERI KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN ANJURAN PUSAT SEJARAH BRUNEI TAHUN 2014

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti/Institusi/Pusat/Sekolah  
Menengah/Maktab yang tersebut di bawah, iaitu:

.....  
\*AKAN MENYERTAI/\*TIDAK AKAN MENYERTAI acara yang tersebut di atas.

Atas perhatian pihak Tuan dalam perkara tersebut, terlebih dahulu diucapkan  
ribuan terima kasih.

.....  
Pengetua

Cop Rasmi Sekolah

Tarikh Menghantar Borang: .....

Nota:  
Borang ini hendaklah dihantar/difax (no. 2241958) kepada pihak penganjur pada hari Khamis,  
18 September 2014 di Pusat Sejarah Brunei sebelum jam 4.00 petang.

**PERTANDINGAN  
PIDATO SEJARAH  
KALI KE-2  
2014**

Anjuran: PUSAT SEJARAH BRUNEI, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Kategori	Johan	Naib Johan	Tempat Ketiga
KATEGORI 'A'	BS 1,500.00	BS 1,000.00	BS 750.00
KATEGORI 'B'	BS 1,500.00	BS 1,000.00	BS 750.00
KATEGORI 'C'	BS 1,500.00	BS 1,000.00	BS 750.00

**Piala**  
Menteri Kebudayaan,  
Belia dan Sukan

Untuk mendapatkan Borang & Syarat-Syarat  
Penyertaan serta maklumat lanjut sila hubungi:  
JAWATANKUASA PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN  
PERTANDINGAN PIDATO SEJARAH  
Pusat Sejarah Brunei  
Jalan Stoney/Jalan James Pearce, BS8610  
Tel: 224-0166/224-0167/224-0168